

UNIVERSITI SAINS MASLAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1990/91

Mac/April 1991

PLG 425 - Pengantar Penyelidikan Pendidikan

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi 17 muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA soalan sahaja.

Jawab Soalan No. 1. dan DUA soalan lain.

Semua jawapan hendaklah mempunyai nilai kesahihan yang tinggi dan mudah difahami.

Soalan 1

Baca dengan teliti laporan penyelidikan di bawah ini. Secara ringkas dan padat jawablah soalan-soalan (a) hingga (o) yang disediakan diakhir laporan ini.

Keberkesanan Pengajaran Pembelajaran Projek SiPPTaR
Bagi Murid di sekolah-sekolah Pilihan di Luar Bandar

Pengenalan

Projek Sistem-Sistem Pengajaran Terancang Luar Bandar (SiPPTaR) merupakan satu projek yang mengkaji dan mengembangkan strategi dan teknik pembelajaran dan pengajaran di sekolah-sekolah rendah luar bandar. Projek ini cuba meningkatkan lagi pencapaian murid-murid dengan merancang satu rangkaian sistem pengajaran dan pembelajaran yang terdiri daripada tiga pendekatan iaitu: Pengajaran Terancang (PT) Pembelajaran melalui Modul (PM) dan Pembelajaran Rakan Sebaya (PRS).

...2/-

Tujuan

Tujuan laporan ini ialah untuk membuat satu tinjauan awal siri pertama ujian formatif untuk menilai pencapaian murid-murid pada setengah tahun yang pertama (Januari 1980 hingga Jun 1980) terhadap murid-murid darjah 1, di sekolah-sekolah rendah kebangsaan luar bandar yang terpilih dan yang mengikuti program SiPPTaR dengan menggunakan pendekatan pengajaran terancang, pembelajaran menerusi modul dan rakan sebaya. Hipotesis kosong bagi penyelidikan ini cuba meramalkan terdapatnya murid-murid darjah 1 dari sekolah-sekolah pilihan di luar bandar yang mengikuti pelajaran menerusi pengajaran terancang mendapat pencapaian yang tidak mempunyai beza yang signifikan berbanding dengan murid-murid yang mengikuti pengajaran secara "tradisi" dalam mata pelajaran-mata pelajaran Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Sains Awalan dan Ilmu Hisab pada tingkat paras 'keertian' < 0.05.

Sampel

Seramai 231 orang murid-murid darjah satu dari 10 buah kelas (dua kelas bagi tiap-tiap satu sekolah) di 5 buah sekolah rendah keangsaan di luar bandar telah dipilih untuk mengambil bahagian untuk menjalankan projek ini. Bilangan murid-murid bagi kumpulan percubaan ialah 137 orang (66 perempuan) dan dari kumpulan terkawal pada ialah 94 orang (50 perempuan).

Kesemua murid-murid sekolah yang diuji mempunyai latarbelakang yang hampir sama. Seramai 14 orang guru terlatih telah mengambil bahagian untuk mengajar murid-murid tersebut dan kebanyakan dari mereka tidak tinggal di kawasan yang berdekatan dengan sekolah tempat mereka mengajar. Lapan orang guru tersebut mengajar di sekolah-sekolah percubaan. Kesemua guru-guru sekolah percubaan diberikan seminggu orientasi bertujuan untuk mendekatkan dan membiasakan guru-guru tersebut kepada cara-cara menggunakan bahan-bahan Projek SiPPTaR sebelum percubaan dijalankan.

Bahan Pendedahan

Bahan yang digunakan oleh guru-guru percubaan untuk mengajar ialah Pengajaran Terancang (PPT) dan alat-alat pengajaran yang disediakan oleh Projek. Tiap-tiap Panduan Pengajaran Terancang mengandungi Objektif Pelajaran dan beberapa Objektif Pembolehan. Kebanyakan daripada PPT yang disediakan mengandungi penilaian di akhir tiap-tiap Objektif Pembolehan. Masa yang ditentukan untuk menghabiskan pengajaran seperti yang dituliskan di PPT ialah 30 minit. Walau bagaimanapun guru-guru bolehlah menyambungkan pelajaran yang tidak dapat dihabiskan dalam masa (30 minit) itu.

...3/-

pada masa yang berikutnya mengikut jadual waktu biasa. Tiap-tiap guru dikehendaki mencatatkan segala kesalahan dan ketidaksesuaian yang terdapat dari segi penggunaan atau lain-lain hal yang terdapat di dalam tiap-tiap PPT untuk disemak semula bagi kegunaan percubaan pada tahun-tahun yang akan datang.

Tiap-tiap PPT ditulis dengan teliti dan disunting sebanyak dua kali supaya kesalahan-kesalahan yang jelas lagi nyata dapat diatasi. Penulis-penulis telah pun diberikan beberapa bengkel penulisan sebelum mereka menulis.

Penulisan dilaksanakan berdasarkan semua aspek seperti dalam bidang psikologi terutama sekali dalam bidang 'behavioural', 'developmental', 'creativity' dalam pembelajaran; strategi dan teknik penyoalan dan berbagai-bagai strategi dan teknik pengajaran lain yang dianggap jarang-jarang sekali dilakukan di sekolah-sekolah yang mengamalkan cara "tradisional".

Kesemua isi-isi pelajaran yang diberikan adalah berdasarkan tajuk-tajuk yang disediakan oleh Kementerian Pelajaran. Yang berbeza hanyalah dari segi susunan tiap-tiap tajuk, konsep ataupun kemahiran yang disenaraikan dalam Sukatan Pelajaran. Jumlah PPT yang digunakan guru-guru sebelum ujian pencapaian dilakukan ialah sebanyak 614 bagi semua mata pelajaran.

Alat Ukur

Pengukuran yang digunakan ialah ujian Piawai Projek SiPPTaR iaitu Ujian Pencapaian Pertengahan Tahun yang disediakan oleh kakitangan Projek. Tidak ada ujian kebolehan-kepercayaan dan kesahihan dilakukan terhadap ujian-ujian kerana tujuan peringkat awal ujian formatif ini ialah untuk menguji perkara tersebut.

Desain Kajian

Ada dua jenis pengajaran yang diuji iaitu pengajaran terancang di mana guru menggunakan kertas panduan atau risalah panduan pengajaran yang disusun dan dirancang oleh pihak Projek. Yang lagi satu ialah pengajaran yang dibuat secara "tradisional" di mana keseluruhan pengajaran dijalankan dengan menggunakan kaedah buku teks, syarahan atau lain-lain kaedah yang biasa diamalkan oleh guru tradisional.

Dalam percubaan ini 'Ujian Pencapaian Projek SiPPTaR' dijadikan pembolehubah bersandar dan PPT menjadi pembolehubah tak bersandar. Tiap-tiap guru yang mengajar dengan mengikuti PPT iaitu guru-guru di sekolah percubaan diberikan kertas atau

...4/-

risalah panduan pengajaran terancang bagi keempat-empat mata pelajaran iaitu Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Sains Awalan dan Ilmu Hisab. Mereka dikehendaki membaca dan memahami isi kandungan tiap-tiap PPT sebelum mereka memulakan pengajaran. Mereka dikehendaki juga mengumpulkan dan menyediakan bahan-bahan yang hendak digunakan sebelum mengajar. Hampir semua daripada guru-guru yang sama juga mengajar mata pelajaran lain dengan menggunakan PPT kedua kecuali bagi mata pelajaran Ugama. Tetapi ujian pencapaian hanya dibuat untuk mata pelajaran Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Sains Awalan dan Ilmu Hisab. Pada peringkat awal kegiatan percubaan ini, pegawai Projek membuat beberapa lawatan untuk menyelia dan mengatasi masalah yang timbul daripada usaha perlaksanaan.

Tujuan asas Projek ini ialah untuk mendapatkan sekurang-kurangnya 85% penguasaan pembelajaran (mastery learning) bagi tiap-tiap pelajaran yang disediakan. Jika didapati seseorang murid itu tidak dapat menguasainya, guru hendaklah mengulangi pelajaran tersebut dengan menggunakan contoh-contoh yang berlainan atau kemungkinan teknik-teknik baru. Jika sesuatu teknik baru telah digunakan oleh guru maka perkara tersebut hendaklah dilaporkan kepada pihak Projek supaya PPT tersebut dapat diubahsuaikan dengan teknik yang baru itu.

Keputusan

Purata pencapaian bagi kumpulan percubaan dan kumpulan terkawal bagi tiap-tiap mata pelajaran dapat dilihat daripada Jadual III. Daripada jadual tersebut dapat kita perhatikan keputusan hipotesis kosong berkenaan terhadap penggunaan pendekatan pengajaran terancang dan pengajaran secara "Konvensional".

Hasil daripada Penganalisan varians menunjukkan adanya perbezaan perselisihan di antara markat purata pencapaian murid-murid di sekolah-sekolah percubaan dengan murid-murid di sekolah-sekolah kawalan. Pencapaian purata bagi murid-murid sekolah percubaan lebih tinggi daripada murid-murid di sekolah terkawal bagi keempat-empat mata pelajaran seperti yang dapat dilihat dalam Jadual I.

Jadual II menunjukkan profail keputusan pencapaian yang menunjukkan adanya perselisihan yang besar bagi mata pelajaran Sains dan diikuti dengan Ilmu Hisab dan Bahasa Inggeris. Manakala perselisihan beza antara purata markat pencapaian bagi Bahasa Malaysia adalah yang terkecil sekali. Penganalisan varian menunjukkan Pengajaran Terancang yang digunakan bagi mengajar mata pelajaran Sains Awalan memberi keertian pada aras $<.01$ dengan jumlah 229 darjah kebebasan. Ini menunjukkan adanya selisih yang cukup besar yang tidak dapat diragu-ragukan lagi

...5/-

terhadap kebetulannya. Ini juga bermakna kita hanya membuat satu atau kurang daripada satu kesalahan sahaja jika sekiranya percubaan ini diulang sebanyak seratus kali lagi di sekolah-sekolah luar bandar yang mempunyai latar belakang yang sama. Walaupun mata pelajaran Bahasa Inggeris tidak signifikan pada aras $P < 0.01$ tetapi jika aras keertian itu ditinggikan kepada $P < 0.11$ (yang mana jarang sekali dilakukan) kita masih mendapat keputusan yang positif terhadap penggunaan pengajaran terancang. Walaupun purata pencapaian murid-murid yang mendapat pengajaran terancang bagi mata pelajaran Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris dan Ilmu Hisab melebihi markat purata pencapaian murid-murid yang menggunakan pengajaran conventional tetapi kesannya tidak dapat memperolehi tingkat kepercayaan < 0.05 pada nilai - T yang berbeza-beza (seperti dalam I) dengan 229 darjah kebebasan.

Perbincangan

Percubaan ini menunjukkan mata pelajaran Sains mencapai keputusan yang paling baik dan signifikan (ada keertian) berbanding dengan mata pelajaran - Hisab, Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Ada dua sebab kemungkinan kenapa pencapaian ini lebih tinggi daripada mata pelajaran yang lain. Pertama, ialah disebabkan murid-murid telah pun diberikan ujian yang lain iaitu ujian blok seminggu sebelum ujian ini diadakan. Separuh daripada tajuk di ujian blok juga dimasukkan ke dalam ujian pencapaian. Dengan sebab yang demikian kesan ujian blok tersebut boleh jadi dapat membantu atau mempengaruhi, meninggikan lagi pencapaian murid di ujian kecapaian. Yang kedua, sebelum ujian ini dilaksanakan kemungkinan kebolehpercayaan ujian tersebut dengan secara tidak langsung tidak mencapai 0.67 dari segi 'indeks diskriminasi' (pembezaan). Manakala indeks kesukarannya mata pelajaran yang lain dengan secara tidak langsung dengan sendirinya sah dan boleh dipercayai. Walau bagaimanapun oleh kerana percubaan ini ialah percubaan tahap permulaan dalam proses penilaian formatif dan juga bertujuan untuk menilai kesahihan dan kebolehpercayaan ujian tersebut maka keputusan penganalisan butir sedang diusahakan untuk mendapatkan kesahihan dan kebolehpercayaan ujian tersebut dan nilai-nilai yang berkaitan dengan indeks kesukaran dan indeks diskriminasi bagi kajian ditahap yang berikutnya.

...6/-


Jadual I: Perbezaan Keertian Kecapaian Murid-Murid Sekolah Mengikuti PPT dan yang Mengikuti Pengajaran invensional.

	Bilangan murid yang diuji.	Markat purata	Sisihan Piawai	Nilai T	Darjah kebebasan	Kebarangkalian 2 - hujung	Tahap Kesigrifikan
Bahasa Malaysia							
Pengajaran Terancang	137	68.307	56.417	0.46	229	0.648	t.s.
Pengajaran Konvensional	94	65.457	25.857	0.46	229	0.648	t.s.
Bahasa Inggeris							
Pengajaran Terancang	137	67.496	41.744	1.23	229	0.220	t.s.
Pengajaran Konvensional	94	61.851	18.454	1.23	229	0.220	t.s.
Sains Awalan							
Pengajaran Terancang.	137	82.307	60.308	4.07	229	0.000	0.0
Pengajaran Konvensional	94	56.075	91.829				
Ilmu Hisab							
Pengajaran Terancang.	137	73.701	57.514	0.93	229	0.355	t.s.
Pengajaran Konvensional	94	68.032	17.531				

Petunjuk: t.s. = tidak signifikan
s. = signifikan

...7/-

Jadual II: Profail Pencapaian bagi Murid-murid Sekolah Percubaan dan Terkawal dalam Empat Matapelajaran Utama



...8/-

Satu perkara lagi yang menyebabkan keputusan ini berbeza dari segi signifikan ialah disebabkan beberapa faktor yang tidak terkawal. Salah sebuah daripada sekolah percubaan tersebut mempunyai beberapa masalah di peringkat awal percubaan ini. Sebanyak tiga pertukaran guru yang mengajar di kelas tersebut dilakukan dan di akhir-akhir percubaan tahap permulaan ini guru tersebut juga terpaksa mengikuti kursus pada tiap-tiap hari Jumaat.

Sebaliknya pula pihak Projek haruslah mempertimbangkan untuk memperbaiki lagi nilai PPT yang dikeluarkan.

Walau bagaimanapun amat terlalu awal bagi pihak Projek meramalkan sebab-sebab terhasilnya keputusan demikian. Seperti yang tersedia maklum guru-guru dan murid-murid yang mengambil bahagian dalam percubaan ini mengambil masa yang agak panjang untuk membiasakan menggunakan sistem yang baru diperkenalkan ini.

Cadangan dan Implikasi

Oleh kerana kajian ini mempunyai populasi yang tidak seimbang yakni terhadap kepada 4 kelas yang mengikuti pengajaran 'konvensional' dan 6 kelas yang mengikuti pengajaran terancang, data-data yang ditunjukkan hendaklah dipandang dan ditafsirkan dengan lebih berhati-hati. Sudah semestilah kajian-kajian seterusnya amat perlu dijalankan kepada lebih ramai lagi bilangan populasi untuk mendapat kepastian sama ada pengajaran terancang itu lebih berjaya untuk mendapat kepastian sama ada pengajaran terancang itu lebih berjaya untuk meninggikan pencapaian murid-murid, khususnya di luar bandar. Jika sekiranya pendapat ini benar dalam kajian-kajian Projek SiPPTar yang akan datang maka sudah tentulah implikasinya nanti amat berguna kepada kita bagi meninggikan lagi taraf pencapaian kognitif kanak-kanak sekolah di luar bandar.

Berdasarkan laporan di atas jawablah semua soalan-soalan yang berikut:

- a) Kenalpasti kenyataan masalah bagi kajian ini. Tuliskan semula kenyataan masalah bagi kajian ini
- b) Apakah pembolehubah-pembolehubah tak bersandar yang disenaraikan dalam kajian ini?
- c) Namakan pembolehubah-pembolehubah bersandar dalam kajian ini.
- d) Senaraikan kemungkinan pembolehubah-pembolehubah ekstranus (luaran) yang boleh mempengaruhi keputusan.

...9/-

- e) Apakah pembolehubah antesedan yang boleh mempengaruhi keputusan kajian ini?
- f) Bagaimanakah penulis kajian ini mengoperasikan definisi bagi pembolehubah-pembolehubah tak bersandar, bersandar dan mencelah?
- g) Bagaimanakah tiap-tiap satu daripada pembolehubah bersandar dan tidak bersandar diukur atau dimanipulasi? Huraikan bagaimana tiap-tiap satu diukur atau dimanipulasi.
- h) Sejauhmanakah alatukur yang digunakan sah dan boleh dipercayai?
- i) Lakarkan rekabentuk kajian ini.
- j) Bagaimana pengkaji mengawal pemilihan yang pincang (bias), pengaruh persejarahan dan nyatakan jenis-jenis kepincangan (bias) yang lain yang mungkin mempengaruhi keputusan kajian.
- k) Huraikan populasi sasaran kajian ini supaya keputusannya dapat digeneralisasikan. Tuliskan semula generalisasi dapatan kajian ini.
- l) Adakah ujian statistik digunakan. Nyatakan jenisnya dan kenapa ia dipilih? Jika anda dapat menjalankan kajian ini apakah jenis statistik yang anda akan gunakan? Kenapa?
- m) Secara ringkas, jelaskan dapatan-dapatan kajian ini.
- n) Huraikan rumusan yang dapat dipetik dari laporan ini dan cadangan-cadangan yang disenaraikan berdasarkan rumusan yang diperolehi.
- o) Jika anda berpeluang untuk menjalankan kajian yang sama bagaimanakah anda menyediakan rekabentuk kajian anda supaya anda dapat mengekalkan ketidaksahihan dalaman dan luaran atau bagaimanakah prinsip 'MAXMINCON' dapat memperbaiki kajian anda.

(40 markah)


...10/-

Soalan 2

- a) Lihat dan amati rajah model Pengkonsepsian Penyelidikan Pendidikan yang disediakan di bawah ini.

Model Pengkonsepsian Penyelidikan Pendidikan

Set 1: Pembolehubah-pembolehubah



...11/-

Cari persamaan dan perbezaan penkonsepsian model ini dengan model yang dicipta oleh Armstrong, iaitu model yang dibincangkan dalam tutorial kelas. Buatlah huraian persamaan dan perbezaan dengan memberi contoh-contoh yang sesuai untuk kegunaan penyelidikan dalam bilik darjah. Dapatkan satu desain kajian (rekabentuk kajian) yang boleh digunakan bagi penyelidikan bilik darjah daripada model tersebut dengan mengagih-agihkan pembolehubah-pembolehubah yang ada untuk kajian yang berikut:

- i) Kajian tinjauan
- ii) Kajian korelasi
- iii) Kajian ex-post-foto
- iv) Kajian spera-eksprim
- v) Kajian Sejarah Pendidikan
- vi) Kajian fenomenologi
- vii) Kajian hermeustik

Jawapan bagi i) hingga vii) memadai jika anda menuliskan lakaran rekabentuk kajian sahaja.

- b) Cipta atau bentuk satu rajah asli berdasarkan model-model yang di atas, dan model-model Armstrong, Dunkin dan Biddle, Hummond dan Stufflebeam (CIPP) dan model lain-lain yang anda ketahui supaya hampir kesemua pembolehubah-pembolehubah yang berkaitan pelajar dan pelajaran dapat digunakan untuk menjalankan penyelidikan tindakan di bilik darjah.

(30 markah)

Soalan 3

- a) Ada berbagai-bagai cara untuk mengukur sikap. Dua daripada cara yang biasa digunakan ialah dengan menggunakan pengukuran projektif dan pengukuran objektif.
- i) Huraikan dengan memberi contoh-contoh yang dapat membezakan di antara pengukuran projektif dan pengukuran objektif.
 - ii) Gunakan petunjuk-petunjuk (indicators)/sifat-sifat seperti di bawah ini untuk membentuk beberapa item/soalan untuk mendapatkan satu soalselidik bagi mengukur sikap pelajar-pelajar terhadap Kurikulum Sekolah atau pun lain-lain perkara yang berkaitan dengan pendidikan. Anda dikehendaki menyediakan tidak melebihi daripada 25 item atau butir-butir soalan.

...12/-

Rumusan Definisi dan Petunjuk
untuk Setiap Tema

No.	Tema (Bidang)	Definisi	Indikator
1.	Toleransi	Perasaan menghargai orang lain untuk menjalin hubungan baik.	1.1 Tidak berkewibaaan. 1.2 Mahu menerima pendapat orang lain atau tidak memaksakan kehendak peribadi. 1.3 Tidak mudah tersinggung. 1.4 Kesiediaan menjalin persahabatan tanpa memandang berbagai perbezaan seperti agama, suku kaum dan perbezaan latar belakang sosial.
2.	Tanggung jawab	Kesiediaan menerima, melaksanakan tugas yang diberikan kepadanya sesuai dengan tuntutan dalam tugas yang diberikan mahupun yang menjadikan kewajibannya.	2.1 Berani menanggung resiko atau berani mengakui kesalahan yang dilakukannya. 2.2 Menyelesaikan tugas sesuai dengan rencana. 2.3 Menerima dan memiliki tugas sesuai dengan kemampuannya. 2.4 Kesiediaan melakukan tugas demi kepentingan orang ramai.
3.	Keterbukaan	Kesiediaan mendengarkan dan mempertimbangkan pendapat-pendapat penemuan bukti atau kritik yang relevan dengan suatu permasalahan.	3.1 Kesiediaan mendengarkan pendapat atau kritik orang lain. 3.2 Kesiediaan mempertimbangkan pendapat atau kritik orang lain. 3.3 Kesiediaan mengubah pendapatnya sendiri kerana pendapat orang lain dirasa lebih baik. 3.4 Kesiediaan mengakui penemuan orang lain. 3.5 Kesiediaan untuk menerima saran saran orang lain.

...13/-

No.	Tema (Bidang)	Definisi	Indikator
			3.6 Kesiediaan mengkomunikasikan pendapat atau penemuannya secara lisan atau tulisan. 3.7 Kesiediaan untuk tidak mudah tersinggung mendengarkan pendapat yang bebez.
4.	Inisiatif	Kecenderungan untuk berusaha secara aktif memberikan gagasan-gagasan atau tindakan baru guna memecahkan masalah-masalah yang dihadapi.	4.1 Adanya usaha untuk mendahului memecahkan masalah-masalah. 4.2 Adanya usaha untuk memulai menerapkan gagasan-gagasan yang diperolehi dari tempat lain. 4.3 Adanya usaha untuk memulai memperbaiki keadaan yang berlaku berdasarkan gagasan baru.
5.	Gemar belajar	Selalu ingin menambah ilmu.	5.1 Suka membaca. 5.2 Suka bertanya. 5.3 Suka mengamati. 5.4 Tidak cepat puas hati.
6.	Rasional	Kebiasaan untuk menanggapi sesuatu berdasarkan pemikiran.	6.1 Tidak percaya pada tahyul. 6.2 Senang pada hal-hal yang mempunyai hubungan sebab akibat. 6.3 Tidak lekas menerima pendapat orang lain.

b) Salah satu daripada cara-cara untuk mendapatkan maklumat berkaitan perkembangan kanak-kanak ialah dengan menggunakan alat ukur yang dinamakan 'kit' atau pukal. Huraikan salah satu daripada kit yang anda tahu dan jelaskan bagaimana kit tersebut digunakan untuk pengukuran/pemerhatian.

c) Nilai dan betulkan soalselidik jenis pemeringkatan yang disertakan di bawah ini secara kualitatif atau pun berdasarkan pengalaman anda semasa menjalani latihan penyelidikan bagi projek keperluan kursus.

...14/-

ARAHAN: Tandakan mengikut keutamaan pegawai-pegawai yang mudah anda temui atau mudah berurusan dengannya.

1. untuk yang paling mudah
2. untuk mudah
3. agak sukar
4. sukar
5. paling sukar

1. Naib Canselor HEP
2. Dekan
3. Timbalan Dekan
4. Bendahari USM
5. Penggawa
6. Penolong Penggawa
7. Ketua Kerani Pusat Pengajian
8. Kerani-Kerani Am
9. Jurutaip
10. Pegawai-pegawai perpustakaan

(30 markah)

Soalan 4

a) Dengan memberi contoh-contoh yang berkaitan dengan pendidikan huraikan langkah-langkah untuk menyediakan

- a) Persampelan berstrata.
- b) Persampelan berkelompok.
- c) Persampelan bertujuan.

b) Jadual yang disediakan di sebelah [Jadual bagi soalan 4(b)] menunjukkan taburan penuntut-penuntut Malaysia di New England, Amerika Syarikat. Huraikan cara-cara anda menyediakan 50% sampel daripada populasi sasaran kajian seperti yang tercatat di tiap-tiap negeri yang ditunjukkan di Jadual tersebut.

...15/-

Jadual bagi Soalan 4(b)

Populasi Pelajar-pelajar Malaysia di New England.

Negeri/Universiti Populasi

CONNECTICUT

1. University of Bridgeport	65
2. University of New Haven	170
3. Yale University	3
4. University of Hartford	26

MAINE

5. Maine Maritime Academy	13
---------------------------	----

MASSACHUSETTS

6. Arthur D. Little Management Institute	3
7. Boston University	5
8. Bradford College	1
9. Brandies University	9
10. Clark College	1
11. Harvard University	29
12. Lesley College	1
13. Massachusetts Institute Technology	20
14. Northeastern University.	16
15. Pine Manor College	1
16. Smith College	2
17. Springfield College	2
18. Tufts University/fletcher	2
19. Atlantic Union College	1
20. University of Lowell	6
21. berklee School of Music	8
22. University of Massachusetts at Amherst	15
23. Wellesley College	2
24. Mount Holyoke College	4
25. Eastern Nazarene College	1
26. Farmington State College	1

...16/-

Populasi Pelajar-pelajar Malaysia di New England.

Negeri/Universiti	Populasi
NEW HAMPSHIRE	
27. Dartmouth College	1
28. Franklin Pierce College	2
29. Nanthaniel Hawthorne College	1
30. New England College	25
31. New Hampshire College	110
RHODE ISLAND	
32. Brown University	6
33. Rhode Island School of Design	4
34. University of Rhode Island	3
35. Southeastern	2
VERMONT	
36. Benington College	1
37. St. Michael's College	2
38. University of Vermont.	1

(30 markah)

Soalan 5

-
- a) Apakah yang anda faham berkenaan 'MAXCONMIN' yang diutarakan oleh Kerlinger? Berikan contoh-contoh yang sesuai berkenaan konsep tersebut.
- b) Apakah
- i) Hipotesis.
 - ii) Statistik Inferens.
 - iii) Data selanjar dan data diskrit.

...17/-

- c) Berdasarkan kajian anda yang berkaitan dengan kajian tinjauan berkenaan pelajar-pelajar yang mengikuti kursus Pengantar Penyelidikan Pendidikan, huraikan langkah-langkah yang perlu anda jalankan jika sekiranya kajian tersebut dilakukan kepada sampel yang dipilih daripada populasi sasaran seramai 59 orang. Gunakan tajuk penyelidikan yang sama seperti tajuk yang anda jalankan bagi projek (tugasan) penyelidikan PLG 425. Isi-isi jawapan anda hendaklah termasuk:
- i) Hipotesis untuk mendapatkan kebagusan penyesuaian.
 - ii) Jenis statistik inferens yang berkaitan untuk mendapatkan generalisasi rumusan.
 - iii) Statistik deskriptif yang digunakan.
- d) Kenapakah ujian rintis (pilot testing) perlu dijalankan terlebih dahulu sebelum menjalankan kajian tinjauan yang sebenar? Bagaimanakah pengetahuan anda yang berhubung dengan meminimumkan varians ralat dapat dikaitkan dengan dapatan yang diperolehi daripada kajian rintis?

(30 markah)

Soalan 6

-
- a) Apakah paradigma penyelidikan? Huraikan kontinum jenis-jenis penyelidikan sosial yang ada kaitannya dengan EMPAT jenis paradigma yang diutarakan oleh Burrell dan Morgan. Pilih salah satu penyelidikan yang anda tahu berhubung dengan paradigma jenis interpretisme dan satu lagi jenis penyelidikan yang terhasil daripada kumpulan radikal. Huraikan langkah-langkah untuk menjalankan tiap-tiap satu daripada kajian penyelidikan yang anda pilih, iaitu satu daripada paradigma interpretisme dan satu lagi daripada paradigma radikal.
- b) Huraikan dengan memberi contoh-contoh yang konkrit berkenaan pemerhatian tidak langsung (Webb et. al, Unobstrugive observation). Bagaimanakah anda dapat menggunakan pengetahuan tersebut jika anda menjalani kajian pemerhatian di sekolah?
- c) Pilih salah satu tajuk yang disenaraikan di bawah ini. Buat satu nota ringkasan dengan tajuk yang anda pilih.
- i) Penyelidikan berpenyertaan
 - ii) Temubual dan penyelidikan.
 - iii) Pemerhatian ikut serta (Participant obeservation).

(30 markah)

- oooOooo -

